

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. YUNG WUI CHUNG

TARIKH : 18 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah halangan Kementerian untuk menaik taraf lapangan Terbang Tawau kepada Lapangan Antarabangsa.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tawau sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS).

2. Walaupun Lapangan Terbang Tawau tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, dengan tersedianya fasiliti untuk operasi antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.

3. Pada masa ini, Lapangan Terbang Tawau mengendalikan penerbangan terus sebanyak 136 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tarakan. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke Lapangan Terbang Tawau dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 49 kali seminggu. MAB, AirAsia dan Malindo turut menyediakan penerbangan terus dari KKIA ke Lapangan Terbang Tawau dengan jumlah kekerapan sebanyak 62 kali seminggu. Manakala MASwings menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Tawau ke Sandakan dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu.

4. Di samping itu, terdapat penerbangan antarabangsa menghubungkan Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Tarakan, Indonesia yang dikendalikan oleh MASwings dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu. Potensi besar boleh dimainkan oleh syarikat

NO. SOALAN : 60

penerbangan untuk menarik penerbangan terus dari negara China memandangkan data statistik 2018 merekodkan hampir 200 ribu pelancong dari negara China bercuti di Pulau Sipadan, Mabul, Kapalai dan Mataking melalui Semporna.

Sekian, terima kasih.